

# Telefon bimbit punca tumor otak

Kajian WHO dapati kes barah meningkat ketara sejak 10 tahun lalu

**L**ONDON: Satu kajian yang diawasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang dilakukan selama sedekad dilaporkan akan mengesahkan penggunaan telefon bimbit berlebihan mendedahkan seseorang kepada risiko tumor otak.

Akhbar Britain *The Daily Telegraph* melaporkan semalam keputusan awalan kajian mendapati 'risiko tumor otak meningkat secara ketara' dalam kes penggunaan telefon bimbit

selama 10 tahun atau lebih.

Ketua kajian itu berkata laporan berkenaan yang hasilnya akan didedahkan tidak lama lagi akan turut memuatkan 'pesanan kesihatan awam.'

Akhbar itu berkata Jabatan Kesihatan Britain sudah empat tahun tidak mengemas kini panduannya berhubung penggunaan telefon bimbit.

Di bawah panduan sekarang, jabatan itu berkata bukti yang tersedia pada

masa ini tidak menunjukkan penggunaan telefon bimbit membahayakan.

Namun, ia menyarankan agar kanak-kanak tidak digalakkan membuat panggilan yang tidak perlu melalui telefon bimbit dan orang dewasa membuat panggilan yang singkat.

Kajian diawasi WHO itu menyiasat sama ada pendedahan kepada penggunaan telefon bimbit berhubung kait dengan tiga jenis tumor

otak dan tumor kelenjar air liur.

Ketua kajian itu, Dr Elisabeth Cardis, menyokong diadakan amaran baru berhubung penggunaan telefon bimbit.

"Berikutan beberapa kajian yang menunjukkan frekuensi radio berkemungkinan memberi kesan, sikap waspada adalah penting," katanya.

"Saya bersetuju dengan pandangan bahawa penggunaan telefon bimbit di kalangan kanak-kanak dihadkan.

"Tetapi saya tidak setuju penggunaan telefon bimbit diharamkan kerana ia sudah menjadi alat komunikasi yang penting," katanya.

"Kaedah mengurangkan pendedahan seperti alat "bebas tangan" juga menarik dipertimbangkan," katanya.

Kajian itu meliputi 13 negara dengan mengadakan temu ramah di kalangan lebih 12,000 pesakit tumor dan pengguna sihat yang menggunakan telefon bimbit. - Agensi